

24 OCT 2001

AS-HUBUNGAN

BAB BARU DALAM HUBUNGAN AS-MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pertemuan dua hala minggu lalu antara Presiden Amerika Syarikat, George W Bush dan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuka pentas bagi kerjasama lebih besar di antara kedua-dua negara, kata Presiden Majlis Perniagaan AS-ASEAN, Ernest Bower.

"Kita memulakan bab baru dalam perhubungan di antara AS-Malaysia berikutan pertemuan Bush dan Mahathir di sidang kemuncak APEC di Shanghai," katanya semasa sidang video mengenai "Prospek Ekonomi AS dan Kesannya ke atas Perdagangan dan Pelaburan AS-ASEAN", malam Selasa.

Acara itu dianjurkan bersama oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Majlis Perniagaan AS-Asean, dengan sokongan pihak Kedutaan AS.

Hubungan Malaysia-AS renggang semasa pentadbiran Clinton tetapi lawatan dari Wakil Perdagangan AS, Robert Zoellick pada 15 Okt lalu telah memulakan perhubungan yang bertambah baik.

"Bush mengadakan pertemuan yang baik dengan Perdana Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Dr Rafidah Aziz dan Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar.

"Kenyataan yang dibuat daripada pertemuan-pertemuan itu menjadi tanda kepada kepimpinan AS yang Malaysia adalah rakan kongsi dan bukan musuh," kata Bower yang bercakap dari Washington DC.

Ahli-ahli panel yang lain daripada AS ialah ahli ekonomi antarabangsa, dari Merrill Lynch Global Securities Research & Economics, Ron Wexler; Naib Presiden Kanan, majlis perdagangan teknologi dan maklumat, daripada Lembaga Perdagangan dan Teknologi, Kathryn Hauser; dan pengarah eksekutif Institut Pengeluaran Persatuan Pengeluar-pengeluar Kebangsaan, William Canis.

Ahli-ahli panel daripada Malaysia pula ialah naib Presiden FMM, Datuk Paul Low; Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Sidek Hassan; dan Penasihat Korporat Sunway Group Tan Sri Ramon Navaratnam dan anggota majlis FMM, Tan Sri Clifford Herbert. --

BERNAMA

MAD SEL ZMN OS